

SENSITIVITI KEPELBAGAIAN BUDAYA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH KEBANGSAAN PELBAGAI ETNIK

Hafzan Omar, Zolkepeli Haron & Khairol Anuar Kamri

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

E-mail: hafzanomar@gmail.com

Abstract

The aim of this study is to identify the multicultural sensitivity among multi-ethnic teachers in primary school in Hulu Langat Area, Selangor. This study looks at the multicultural sensitivity based on ethnicity, level of education, income level, position at school and residence location. The research employs survey model, a quantitative research method which uses a questionnaire instrument. Cluster random sampling technique was used for the determine the research sample. 8 schools were randomly selected from 54 schools. Respondent consists of three major ethnic groups mainly Malays, Chinese and Indians teachers was selected through stratified random sampling technique. A total of 350 samples were involved in this study. The data was analyzed using the IBM SPSS Statistics 23 software. Descriptive analysis was used to obtain the mean score and also the standard deviation for each characteristic studied ie ethnicity, level of education, level of income, position at school and place of residence. The findings show that the multicultural sensitivity among primary school teachers based on ethnicity, level of education, income level, position at school and residence were at a high level.

Keywords: *multicultural sensitivity, multi - ethnic environment.*

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat tahap sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru sekolah kebangsaan Daerah Hulu Langat, Selangor. Sensitiviti kepelbagaian budaya dilihat berdasarkan kepada etnik, tahap pendidikan, tahap pendapatan, jawatan dan lokasi tempat tinggal. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Bagi tujuan menentukan sampel kajian pengkaji menggunakan teknik pensampelan rawak kluster iaitu guru daripada 8 buah sekolah telah terpilih secara rawak daripada 54 buah sekolah. Pemilihan sampel kajian bergantung kepada persekitaran sekolah yang pelbagai etnik sahaja. Pengkaji juga mengaplikasi kaedah pensampelan rawak berstrata kerana sampel kajian terdiri daripada guru Melayu, Cina dan India sahaja. Seramai 350 orang sampel yang terlibat dalam kajian ini. Data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics 23. Analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai skor min dan juga sisihan piawai bagi setiap ciri yang dikaji iaitu etnik, tahap pendidikan, tahap pendapatan, jawatan dan lokasi tempat tinggal. Dapatkan kajian menunjukkan sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru sekolah kebangsaan berdasarkan etnik, tahap pendidikan, tahap pendapatan, jawatan dan lokasi tempat tinggal berada pada tahap yang tinggi.

Kata Kunci: *Sensitiviti kepelbagaian budaya, persekitaran pelbagai etnik*

A. PENDAHULUAN

Kepelbagaian budaya merupakan ciri istimewa yang wujud di Malaysia lahir daripada rakyat berbilang agama dan bangsa. Maka, kepelbagaian budaya ini sangat ditekankan apabila menjadi satu daripada enam aspirasi sistem pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Aspirasi sistem ini menyatakan “sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian” (Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025; hlm: 21). Usaha ini bertujuan melahirkan rakyat yang merasa bangga dikenali sebagai rakyat Malaysia walaupun lahir daripada etnik, agama atau status ekonomi yang berbeza. Pembentukan identiti nasional ini akan mewujudkan masyarakat Malaysia yang saling faham memahami, bersatu padu ke arah masyarakat yang harmoni (Shamsul Amri 2012).

Mujib Muis (2012) menyatakan bahawa di Malaysia hubungan antara etnik dilihat seperti tenang namun masih tersemat perasaan negatif atau berprasangka antara etnik. Rakyat Malaysia pada hari ini sebenarnya sudah terbiasa hidup dalam keadaan "ketegangan yang stabil" atau *stable tension* (Shamsul AB 2009). "Ketegangan yang stabil" adalah sifat hubungan kaum dan kelompok di Malaysia yang sentiasa tenang dan tegang silih berganti. Ini menjadikan pengintergrasian antara etnik yang pelbagai merupakan agenda pembangunan negara Malaysia. Bagi merealisasikan hasrat ini institusi pendidikan perlu memainkan peranan yang sangat penting agar usaha ini dilaksanakan dengan jayanya (Ezhar & Madiha 2015). Ini kerana guru merupakan agen pemupukan suasana harmoni dalam kalangan murid (Suresh Kumar 2014). Namun demikian, guru juga perlu berdepan dengan cabaran yang besar akibat kepelbagaian yang wujud antara murid dan juga pendidik (Rohaty Mohd. Majzub, Salasiah Hashim & Elis Johannes H.S, 2011). Guru dilihat masih mempamerkan sifat perkauman seperti yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan (Sinar online, 2015, bharian online 2016, Berita Harian,

2013, The Star Online). Masih terdapat guru-guru yang tidak sensitif terhadap persekitaran yang pelbagai. Perbezaan sosio budaya antara etnik ini akan melahirkan konflik yang mungkin akan berlaku secara langsung dan tidak langsung (Lee Wei Chang, Baharuddin, Muhammad, 2013).

Kesedaran terhadap kepelbagaian budaya semakin dititikberatkan bukan sahaja di peringkat nasional malahan dalam era globalisasi juga. Ini dapat dilihat apabila United Nation Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) juga memberi penekanan kepada kesedaran pelbagai budaya yang boleh diterapkan melalui pendidikan dan kebudayaan. Kesedaran ini telah dipromosikan melalui “learning to live together in peace and harmony” (Jawatankuasa APNIEVE 1999). Selain itu, dalam deklarasi Johannesburg 2007 telah menetapkan bahawa bagi memupuk keharmonian dan kehidupan yang lebih lestari sistem pendidikan mesti mengambil kira kepelbagaian yang wujud (UNESCO 2010). Kepelbagaian yang wujud ini akan menghasilkan sensitiviti antara budaya. Sensitiviti antara budaya dianggap penting bagi mereka yang hidup dalam masyarakat demokrasi pluralistik (Tamam, 2010). Kajian terdahulu (Kluckhohn dan Strodtbeck, 1961; Chhokar et al., 2008; Mendenhall et al., 2008; Moodian, 2009) jelas menunjukkan kepelbagaian antara budaya itu penting namun perbezaan itu jika tidak diurus dengan baik akan menimbulkan kontroversi atau pun konflik. Perbezaan ini boleh dicirikan oleh unsur agama, etnik, wilayah dan sebagainya. (Shamsul AB 2012).

Murid perlu didedahkan dengan lebih awal berkenaan kepelbagaian budaya supaya mereka lebih peka atau sensitif kepada kepelbagaian dan lebih memahami maksud kepelbagaian tersebut. Maka, sekolah merupakan platform terbaik untuk mendidik mereka kerana pelajar yang berusia antara 7 hingga 17 tahun banyak menghabiskan masa mereka di sekolah (Nurhijrah Zakaria, 2017). Oleh itu, mereka lebih banyak berinteraksi bersama pelajar lain daripada pelbagai latar belakang termasuk etnik yang pelbagai (PPPM 2013-2025). Bagi mencapai hasrat ini, sistem pendidikan memerlukan guru yang mempunyai pengetahuan, kesedaran dan kemahiran yang boleh menjadikan mereka sensitif

terhadap latar belakang murid yang berbeza agar dapat menangani masalah hubungan antara kaum dengan kaedah yang positif dan proaktif (Yasmin 2014). Oleh itu, kesedaran, pengetahuan dan sikap berkenaan dengan kepelbagaian budaya ini harus dipertingkatkan agar guru lebih peka atau sensitif. Bayles (2009) menyatakan bahawa sangat penting bagi guru mempunyai sensitiviti kepelbagaian budaya apabila berdepan dengan murid yang bersifat pelbagai. Guru yang mampu memahami dan menyelami kepelbagaian budaya di kalangan murid dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lebih harmonis dan secara tidak langsung objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik berkenaan kepelbagaian budaya seperti Kajian Tahap Perpaduan 2016 (Bity Salwana Aliyas 2016), Kajian Penerapan Nilai Perpaduan Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perguruan Institut Pendidikan Guru oleh Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM, 2016), Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berfokuskan Kepelbagaian Budaya Murid: Kajian Kes di Negeri Sarawak (Noraini Omar 2015), *Culturally Responsive Pedagogy: Experience in the Visual Art Education Classroom* (Siti Zuraida Maaruf, Muhamad Azhar Abdullah, Saedah Siraj dan Voviana Zulkifi 2016), Bahasa interaksi dan hubungan antara etnik dalam kalangan murid di bilik darjah (Suresh Kumar a/ 1 N Vellymalay 2013), *Teachers' practical knowledge about classroom management in multicultural classrooms* (Tartwijk, J.V, Brok, P.D, Veldman, I dan Wubbels, T. 2009), *Addressing student diversity via culturally responsive pedagogy* (Tengku Nor Rizan Tengku Mohd Maasuma, Nooreiny Maarof, Manisah Mohd Ali 2014), *Exploring Teachers' Perceptions in Managing Interracial Interactions in a Multicultural setting: A Case study of Five Malaysian Secondary Schools in Klang Valley* (Azam Othman, Ismail Sheikh Ahmad, Hamidon Abdul Rahman, and Shahrul Fhaizal Shabu 2013). Namun, sangat terhad kajian yang berfokuskan kepada sensitiviti kepelbagaian budaya. Terdapat kajian yang telah dilakukan sebelum ini terhadap sensitiviti kepelbagai budaya dalam kalangan guru yang dijalankan oleh Yasmin Ahmad

(2014). Namun fokus kajian ini hanya tertumpu kepada guru sekolah menengah di mana mempunyai murid yang lebih pelbagai.

Oleh demikian, kajian ini pula memfokuskan sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru sekolah kebangsaan di mana sekolah kebangsaan memperlihatkan ibu bapa lebih cenderung memilih sekolah mengikut etnik masing-masing. Jika dilihat sekolah kebangsaan yang bersifat homogen ini seperti kurang berkeperluan terhadap pendedahan kepada kepelbagaian budaya kerana persekitarannya yang kurang pelbagai. Namun, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) dalam Laporan Awal PPPM 2013-2015 yang dikeluarkan pada September 2011 melaporkan terdapat keperluan bagi sekolah yang mempunyai murid yang kurang pelbagai mengambil langkah aktif bagi mendedahkan murid terhadap kepelbagaian ini. Jika kesedaran terhadap kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat disemai semenjak murid berada di peringkat rendah maka tugas berat ini tidak hanya tergalas kepada guru sekolah menengah sahaja. Murid sekolah kebangsaan yang memasuki sekolah menengah tidak lagi berasa kekok terhadap kepelbagaian yang wujud dalam persekitaran sekolah kerana mereka lebih awal didedahkan terhadap perbezaan tersebut. Maka pendedahan awal terhadap sensitiviti kepelbagaian budaya ini menjadi tanggungjawab guru yang sentiasa mendampingi murid sepanjang mereka berada di sekolah. Dorongan berterusan daripada guru terhadap sikap yang lebih sensitif terhadap perbezaan budaya dan agama amat penting bagi memupuk integrasi etnik dalam persekitaran bilik darjah (Suresh Kumar 2017) Oleh itu, perlu ada kajian untuk melihat sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru sekolah kebangsaan. Objektif kajian ini adalah bertujuan mengenal pasti tahap sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru sekolah kebangsaan berdasarkan ciri-ciri guru iaitu etnik dan none etnik seperti tahap pendidikan, pendapatan, jawatan dan lokasi tempat tinggal.

A. TINJAUAN LITERATUR

Melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP 2010) kerajaan berhasrat untuk menyediakan guru supaya lebih mempunyai pengetahuan, daya kesedaran dan kemahiran yang seterusnya akan menjadikan mereka lebih sensitif terhadap latar belakang murid yang berbeza dan menangani perhubungan dengan kaedah yang positif dan proaktif. Kefahaman mengenai budaya etnik lain adalah sangat penting dan boleh membantu untuk mengekalkan kestabilan dalam masyarakat. Aspirasi sistem pendidikan dan murid dalam PPPM (2013-2025) juga memberi penekanan terhadap kepelbagaian budaya di sekolah bagi menghasilkan generasi murid terbaik untuk berdepan dengan cabaran ekonomi abad ke-21.

1. Sensitiviti Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru

Sensitiviti kepelbagaian budaya membawa maksud apabila seseorang memberikan respon yang afektif terhadap perbezaan budaya yang wujud antara individu (Straffon 2001). Sensitiviti antara budaya juga ditakrifkan sebagai pengalaman terhadap perbezaan budaya dan pengalaman tersebut bergantung kepada cara seseorang individu membentuk perbezaan tersebut (Bennett 1993). Bhawuk & Brislin (1992) mentakrifkan sensitiviti antara budaya sebagai "*sensitivity to the importance of cultural differences and to the points of view of people in other cultures*". Sensitiviti kepelbagaian budaya dalam konteks kajian ini merujuk kepada bagaimana guru memberi respon terhadap perbezaan dan membentuk pengalaman terhadap perbezaan budaya antara guru dengan murid yang pelbagai etnik dan juga budaya dalam konteks interaksi guru murid.

2. Model Pengukuran Sensitiviti Kepelbagaian Budaya.

Dalam mengukur sensitiviti kepelbagaian budaya terdapat beberapa model atau inventori yang telah dibina antaranya:

1) *Intercultural Sensitivity inventory (ISS)*

Inventori ini diperkenalkan oleh Chen dan Starosta (2000). ISS mengukur sensitiviti antara budaya menggunakan lima faktor , iaitu: (1)

penglibatan berinteraksi, (2) hormat terhadap perbezaan budaya, (3) keyakinan berinteraksi, (4) keseronokan berinteraksi , (5) keperihatinan berinteraksi.

2) *Intercultural Sensitivity Inventory*

Bhawuk dan Brislin (1992) telah membina inventori sensitiviti antara budaya yang melihat sensitiviti berdasarkan konsep individualisme dan kolektivisme.

3) Model DMIS

Model yang popular dan kerap digunakan dalam mengukur sensitiviti kepelbagaian budaya ialah model yang dibina oleh Dr. Milton Bennett (1986, 1993, 2004, 2013) iaitu DMIS (*Developmental Model of Intercultural sensitivity*). Model ini dapat menjelaskan bagaimana individu mengalami dan melibatkan diri dalam perbezaan budaya (IDR Institute, 2017). Model DMIS bertujuan menerangkan atau menjelaskan bagaimana individu atau kumpulan cenderung untuk berfikir dan merasakan perbezaan antara budaya dan berkeupayaan untuk mendiskriminasi perbezaan tersebut (Bennett 1993). Bennett (2004) membahagikan sensitiviti kepada enam tahap iaitu penafian, pertahanan, pengurangan yang tergolong dalam peringkat etnosentrisme, manakala penerimaan, penyesuaian dan pengintegrasian adalah tergolong dalam peringkat etnorelativisme.

3. Kajian-Kajian Lepas Terhadap Tahap Sensitiviti Kepelbagaian Budaya

Banyak kajian telah dijalankan di luar negara mengenai tahap sensitiviti kepelbagaian budaya di kalangan guru di sekolah peringkat rendah. Antaranya kajian yang dijalakan oleh Zoe Karanikola dan Stathis Balias (2015) di kalangan guru sekolah rendah di Greece. Kajian ini mendapati sensitiviti guru sekolah rendah berada pada tahap penerimaan (acceptance) mengikut teori DMIS oleh Bennett (1998,2004). Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Nihal Yurtseven dan Sertel Altun (2015) pula mendapati bahawa sensitiviti kepelbagaian budaya di kalangan guru baru berkhidmat tidak berada pada tahap yang diingini. Ini

berpunca daripada pendedahan atau pendidikan berkenaan kepelbagaian budaya masih tidak mencukupi atau hanya menerima sedikit pendedahan sahaja. Manakala Shalva Tabatadze dan Natia Gorgadze (2014) mendapati bahawa sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru sekolah rendah di Georgia berada dalam fasa etnosentrik mengikut teori Bennett (1998, 2004). Banyak kajian yang telah dijalankan di luar negara berkenaan sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru di sekolah namun di Malaysia bidang ini masih belum diberikan fokus terutama kajian di peringkat sekolah kebangsaan.

4. Persekutaran Sekolah Pelbagai Etnik

Program pendidikan guru kurang menekankan dari segi perspektif peribadi guru terhadap perbezaan persekitaran yang wujud akibat kepelbagaian dengan latar belakang mereka (Tarc 2013). Namun kajian-kajian lepas menunjukkan sangat penting pendedahan kepada persekitaran kepelbagaian budaya kepada guru yang sedang berkhidmat (Trilokekar dan Kukar 2011). Hasil dapatan kajian oleh Halah Ahmed Alismail (2016) yang telah membuat kajian mengenai persedian guru dalam menghadapi murid yang pelbagai budaya telah menunjukkan guru perlu diberi kursus bagi memastikan guru bersedia berhadapan dengan murid yang pelbagai budaya.

Yasmin Ahmad dan Najeemah Mohd Yusof (2016) telah mengenal pasti cabaran dan pendekatan untuk meningkatkan kecekapan guru berdepan dengan kepelbagaian budaya dalam persekitaran sekolah pelbagai kaum. Hasil dapatan kajian menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh guru yang mempunyai persekitaran murid pelbagai kaum ialah kurangnya pengalaman guru terhadap kepelbagaian budaya. Selain itu, pendedahan yang lewat terhadap persekitaran sekolah pelbagai budaya mengakibatkan guru sukar menerima dan menyesuaikan diri dalam persekitaran sekolah berbilang kaum. Manakala pendekatan yang dicadangkan dalam mengatasi masalah ini ialah kursus bagi mempertingkatkan pengetahuan tentang kepelbagaian budaya, membangunkan dasar yang lebih terbuka dan lebih baik untuk sistem

pendidikan di Malaysia dan pendedahan yang lebih awal terhadap persekitaran pelbagai budaya terutama semasa guru dalam proses praktikum.

Berdasarkan konteks kajian ini persekitaran sekolah pelbagai etnik merujuk kepada sekolah kebangsaan yang terdiri daripada murid pelbagai etnik iaitu Melayu, Cina dan India yang belajar di sekolah berkenaan.

5. Kajian Lepas Mengenai Sensitiviti Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru Berdasarkan Faktor Demografi di Malaysia.

Kajian yang dijalankan oleh Yasmin (2014) terhadap guru di sekolah menengah di Malaysia mendapati tahap sensitiviti guru daripada etnik India mempunyai sensitiviti kepelbagaian budaya yang tinggi berbanding guru daripada etnik Melayu dan Cina. Berdasarkan jantina pula guru perempuan mempunyai sensitiviti yang lebih tinggi berbanding guru lelaki. Guru yang mempunyai tahap pendidikan PhD mempunyai sensitiviti lebih tinggi berbanding guru yang mempunyai sijil, diploma, ijazah dan master. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar murid pelbagai etnik melebihi daripada 10 tahun mempunyai tahap sensitiviti kepelbagaian budaya yang lebih tinggi berbanding guru yang mengajar murid pelbagai etnik kurang daripada 10 tahun.

C. METODOLOGI KAJIAN

1. Reka Bentuk dan Populasi Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Soal selidik merupakan instrumen utama untuk mengumpul data kajian. Soal selidik digunakan kerana kajian ini melibatkan bilangan sampel yang ramai. Kaedah ini sesuai digunakan kerana kebolehpercayaan yang tinggi dan kosnya rendah (Gay, Mills & Airasian, 2012). Populasi guru yang terlibat terdiri daripada guru sekolah kebangsaan seramai 4846 orang. Penentuan sekolah yang terlibat dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada persekitaran sekolah yang terdiri daripada murid pelbagai

etnik. Data murid mengikut etnik 2018 ini diperoleh daripada Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat, Selangor.

2. Pensampelan Kajian

Kaedah pensampelan bagi tujuan menentukan sampel yang terlibat dalam kajian ini menggunakan teknik pensampelan rawak kluster iaitu guru daripada 8 buah sekolah kebangsaan telah terpilih secara rawak daripada 54 buah sekolah kebangsaan. Pemilihan sampel kajian bergantung kepada persekitaran sekolah yang pelbagai etnik sahaja. Pengkaji juga mengaplikasi kaedah pensampelan rawak berstrata kerana sampel kajian terdiri daripada guru Melayu, Cina dan India sahaja. Responden yang dipilih bagi menjawab objektif kajian ini adalah terdiri daripada guru yang mengajar di sekolah kebangsaan yang mempunyai persekitaran pelbagai etnik.

3. Kajian Rintis

Kajian rintis juga dilaksanakan untuk meningkatkan kesahan dalaman instrumen kajian (Chua Yan Piaw 2006) dan semua yang berkaitan dengan soal selidik memerlukan kajian rintis terlebih dahulu (Oppenheim 1992). Bagi Christensen et al. (2011) tujuan utama dalam membuat kajian rintis ini adalah bagi memastikan instrumen kajian berfungsi dengan baik semasa kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis telah dijalankan dalam kalangan guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Sungai Kantan yang terdiri daripada murid pelbagai etnik iaitu Melayu, Cina dan India di Daerah Hulu Langat. Seramai 36 orang guru terlibat dalam kajian rintis ini. Menurut Hair et al 2013 bilangan responden yang sesuai ialah di antara 20 hingga 30 orang. Masa yang diberikan oleh pengkaji kepada sampel kajian untuk memberikan respon kepada soal selidik ialah dalam tempoh satu minggu.

4. Instrumen Kajian

Instrumen yang diguna pakai untuk mengukur boleh ubah kajian ini ialah menggunakan kaedah soal selidik. Pengkaji mengaplikasi soal selidik oleh Yasmin Ahmad (2014). Beliau telah mengadaptasi soal selidik ini daripada Chen dan Starosta (2000) iaitu *Intercultural Sensitivity Scale* dalam penyediaan

soal selidik sensitiviti kepelbagaian budaya dan soal selidik *Inventory of Cross-Cultural Sensitivity* oleh Cushner (2006) dalam penyediaan soal selidik sensitiviti kepelbagaian budaya. Ini kerana instrumen sensitiviti kepelbagaian budaya masih belum dibina di Malaysia.

Pengkaji memilih untuk menggunakan skala likert empat mata iaitu (1) Sangat Tidak Setuju (2), Tidak Setuju (3), Setuju (4) Sangat Setuju. Penggunaan skala empat mata oleh pengkaji-pengkaji sangat meluas (Arasinah et al. 2013). Skala Likert yang menggunakan respon yang ganjil perlu dielakkan (Fisher, 2006). Ini kerana skala likert ganjil seperti lima mata akan mengakibatkan respon yang bias, kurang kestabilan dan tempoh menjawab yang agak lama (Dolnicar 2011). Model yang dipilih untuk menjalankan analisis kebolehpercayaan bagi soal selidik ini ialah *Alpha Cronbach*. Nilai Pekali *Alpha Cronbach* yang diperoleh ialah 0.896. Nilai ini menunjukkan instrumen yang digunakan oleh pengkaji mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima kerana nilai ini lebih tinggi daripada 0.7 (Pallant, 2010).

5. Kaedah Analisis Data

Data dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistics 23 terhadap instrumen soal selidik yang diedarkan ke 8 buah sekolah kebangsaan seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai skor min dan juga sisihan piawai. Interpretasi skor min yang digunakan adalah seperti Jadual 1 dibawah. Rumus yang digunakan bagi mendapatkan julat setiap tahap adalah seperti berikut:

$$\text{Julat} = (\text{Maximum} - \text{Minimum}) / \text{Tahap}$$

$$= (4 - 1) / 3$$

$$= 1$$

Jadual 1:
Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana
3.01 hingga 4.00	Tinggi

E. HASIL KAJIAN DAN PEMBAHASAN

1. Hasil Kajian

Objektif kajian : Mengenal pasti tahap sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru sekolah kebangsaan berdasarkan ciri-ciri guru iaitu etnik, tahap pendidikan, pendapatan, jawatan dan lokasi tempat tinggal. Penentuan tahap sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru pelbagai etnik yang terlibat dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada min tertinggi bagi setiap kategori guru yang dikaji, iaitu etnik, tahap pendidikan, tahap pendapatan, jawatan dan lokasi tempat tinggal.

Berdasarkan Jadual 2, etnik lain-lain menunjukkan sensitiviti yang paling tinggi namun skop kajian ini hanya tertumpu kepada etnik Melayu, Cina dan India sahaja. Ketiga-tiga etnik iaitu Melayu, Cina dan India menunjukkan sensitiviti kepelbagaian budaya berada pada tahap tinggi iaitu melebihi skor 3.01. Walau bagaimanapun guru daripada kumpulan etnik India ($M = 3.53$, $SD = .41$) secara relatif mempunyai tahap sensitiviti kepelbagaian budaya yang lebih tinggi berbanding dengan guru daripada kumpulan etnik Cina ($M = 3.29$, $SD = .43$) dan guru daripada etnik Melayu ($M = 3.24$, $SD = .36$).

Jadual 2: *Sensitiviti kepelbagaian budaya berdasarkan etnik*

	N	Min	Sis. piawai
Melayu	326	3.237	0.359
Cina	6	3.294	0.434
India	17	3.529	0.414
Lain-lain	1	3.647	-
Jumlah	350	3.253	0.367

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan kesemua tahap pendidikan iaitu Master, Ijazah, Diploma dan sijil menunjukkan sensitiviti kepelbagaian budaya pada tahap yang tinggi iaitu melebihi skor 3.01. Guru yang mempunyai tahap pendidikan Master ($M = 3.35$, $SD = .44$) secara relatif didapati mempunyai tahap sensitiviti kepelbagaian budaya yang lebih tinggi berbanding guru yang mempunyai tahap pendidikan ijazah ($M = 3.26$, $SD = .37$), guru yang mempunyai tahap pendidikan sijil ($M = 3.26$, $SD = 0.37$) dan guru yang mempunyai tahap pendidikan diploma ($M = 3.03$, $SD = 0.26$). Namun

Jadual 3: *Sensitiviti kepelbagaian budaya berdasarkan tahap pendidikan*

	N	Min	Sis. piawai
PhD	1	2.941	.
Sarjana	20	3.350	0.435
Ijazah	298	3.262	0.365
Diploma	20	3.032	0.259
Sijil	11	3.257	0.369
Jumlah	350	3.253	0.367

Berdasarkan Jadual 4, secara relatif guru yang mempunyai tahap pendapatan <RM 3000 ($M = 3.58$, $SD = .20$) mempunyai tahap sensitiviti kepelbagaian budaya yang lebih tinggi berbanding guru yang mempunyai tahap pendapatan >RM 5000 ($M = 3.26$, $SD = .36$), guru yang mempunyai tahap pendapatan RM 3001 - RM4000 ($M = 3.23$, $SD = 0.36$) dan guru yang mempunyai pendapatan RM 4001 - RM 5000 ($M=3.23$, $SD=0.37$). Walaubagaimana pun keempat-empat tahap pendapatan iaitu <RM 3000, RM

3001 - RM4000, RM 4001 - RM 5000 dan >RM 5000 menunjukkan sensitiviti kepelbagaian budaya pada tahap yang tinggi iaitu melebihi skor 3.01.

Jadual 4: Sensitiviti kepelbagaian budaya berdasarkan tahap pendapatan

Pendapatan	N	Min	Sis. piawai
<RM 3000	9	3.582	0.203
RM 3001 - RM4000	61	3.233	0.363
RM 4001 - RM 5000	153	3.233	0.373
>RM 5000	127	3.263	0.363
Total	350	3.253	0.367

Jadual 5 menunjukkan guru yang mempunyai jawatan Guru Penolong Kanan (HEM) ($M = 3.38$, $SD = .41$) secara relatif mempunyai tahap sensitiviti kepelbagaian budaya yang lebih tinggi berbanding guru yang mempunyai jawatan sebagai Guru Besar ($M=3.35, SD=.45$), Guru Penolong Kanan Pentadbiran & Kurikulum ($M=3.34$, $SD = .35$), guru yang mempunyai jawatan Guru ($M = 3.25$, $SD = 0.37$) guru yang mempunyai jawatan Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas ($M=3.12$, $SD=.17$) dan guru yang mempunyai jawatan Guru Penolong Kanan Ko-kurikulum ($M = 3.07$, $SD = 0.31$). Walaupun secara relatif terdapat perbezaan tahap sensitiviti kepelbagaian budaya bagi Guru Penolong Kanan (HEM), Guru Besar, Penolong Kanan Pentadbiran & Kurikulum, guru, Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas dan Guru Penolong Kanan Ko-kurikulum namun min bagi setiap jawatan guru ini tetap Guru Penolong Kanan Ko-kurikulum berada pada tahap yang tinggi kerana skor min melebihi 3.01.

Jadual 5: *Sensitiviti kepelbagaian budaya berdasarkan jawatan*

	N	Min	Sis. piawai
Guru Besar	7	3.345	0.445
Guru Penolong Kanan Pentadbiran dan Kurikulum	8	3.338	0.348
Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid	8	3.382	0.405
Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum	8	3.066	0.307
Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas	2	3.118	0.166
Guru	317	3.251	0.367
Jumlah	350	3.253	0.367

Jadual 6 menunjukkan guru yang tinggal di bandar ($M = 3.26$, $SD = .38$) mempunyai tahap sensitiviti kepelbagaian budaya yang lebih tinggi berbanding guru yang tinggal di luar bandar ($M = 3.24$, $SD = .34$). Namun begitu, min bagi kedua-dua lokasi tempat tinggal ini tetap menunjukkan sensitiviti kepelbagaian budaya pada tahap yang tinggi kerana skor min melebihi 3.01.

Jadual 6: *Sensitiviti kepelbagaian budaya berdasarkan lokasi tempat tinggal*

	N	Min	Sis. piawai
Bandar	246	3.259	0.379
Luar Bandar	104	3.240	0.339

Berdasarkan Jadual 6, guru yang tinggal di bandar ($M = 3.26$, $SD = .38$) mempunyai tahap sensitiviti kepelbagaian budaya yang lebih tinggi berbanding guru yang tinggal di luar bandar ($M = 3.24$, $SD = .34$). Namun begitu, min bagi kedua-dua lokasi tempat tinggal ini tetap menunjukkan sensitiviti kepelbagaian budaya pada tahap yang tinggi kerana skor min melebihi 3.01

2. Pembahasan Hasil Kajian

Dapatan kajian ini akan membincangkan tahap sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru sekolah kebangsaan. Hasil dapatan kajian ini

menunjukkan bahawa guru daripada pelbagai etnik berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, guru etnik India secara relatif mempunyai tahap sensitiviti yang lebih tinggi berbanding guru etnik Melayu dan Cina. Hasil kajian ini selaras dengan kajian Yasmin 2014 iaitu guru etnik India mempunyai sensitiviti yang lebih tinggi daripada etnik Melayu dan Cina. Guru yang mempunyai sensitiviti yang tinggi iaitu guru yang peka terhadap perbezaan yang wujud di persekitarannya dan sentiasa memotivasikan diri untuk memahami, menghargai dan menerima perbezaan budaya (Chen dan Starosta 1998). Ini akan menjadikan guru tersebut menghayati perbezaan dan dapat menerapkan nilai-nilai persefahaman antara budaya terhadap murid-muridnya (Nurhijrah et al. 2017). Guru yang responsif terhadap kepelbagaian budaya akan dapat melahirkan hubungan yang harmoni antara guru dan murid yang berbeza budaya (Noraini, 2015). Guru sangat memainkan peranan yang penting sama ada menolak atau memperkuuh kepelbagaian budaya (Spinthourakis, Karatzia-Stavlioti dan Roussakis, 2009).

Hasil dapatkan kajian sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru sekolah kebangsaan berdasarkan tahap pendidikan pula menunjukkan guru yang mempunyai tahap pendidikan peringkat Sarjana mempunyai tahap sensitiviti yang lebih tinggi berbanding guru yang mempunyai tahap pendidikan peringkat ijazah, diploma dan sijil. Hasil kajian ini hampir selaras dengan kajian oleh Fretheim (2009) yang menunjukkan semakin tinggi tahap pendidikan guru semakin berkait dengan tahap sensitiviti antara budaya dalam kalangan guru.

Berdasarkan kepada tahap pendapatan pula menunjukkan semua tahap pendapatan iaitu pendapatan <RM 3000, pendapatan RM 3001 - RM4000, pendapatan RM 4001 - RM 5000 dan pendapatan berada pada tahap yang tinggi. Pelan Hala Tuju Program Transformasi kerajaan telah menggariskan enam NKRA dan salah satunya ialah mempertingkatkan isi rumah berpendapatan rendah. Ini bertujuan membantu ke arah mengurangkan ketidaksamaan dan polariti antara golongan yang kaya dengan yang miskin.

Matlamatnya adalah untuk memastikan bahawa tidak ada sesiapapun yang ketinggalan tanpa mengira bangsa atau agama semasa kita meneruskan usaha untuk berkembang sebagai sebuah negara. Ekonomi juga sangat memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan perpaduan antara kaum.

Sensitiviti kepelbagaian budaya berdasar kepada jawatan pula menunjukkan guru berjawatan sebagai Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid mempunyai sensitiviti kepelbagaian budaya lebih tinggi berbanding Guru Besar, Guru Penolong Kanan Pentadbiran dan Kurikulum, Guru Penolong Kanan Ko-kurikulum, Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas dan guru. Ini bersesuaian dengan tugas dan peranan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid yang lebih berkait rapat dalam mengurus proses-proses yang berhubung kait dengan murid yang memerlukan komunikasi yang efektif (Hailan et al. 2012) dan perlu lebih memahami kepelbagaian yang wujud dalam kalangan murid dan juga guru. Hubungan yang harmoni akan terbentuk jika sikap yang positif terhadap kepelbagaian budaya dizahirkan dari segi interaksi atau pergaulan (Noraini, 2015). Keharmonian yang wujud akan memudahkan lagi Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar menyelesaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Seterusnya tahap sensitiviti kepelbagaian budaya berdasarkan lokasi tempat tinggal pula menunjukkan bahawa kawasan bandar mempunyai tahap sensitiviti kepelbagaian budaya yang lebih tinggi berbanding kawasan luar bandar. Ini kerana dalam konteks Malaysia, kawasan bandar mempunyai bentuk etnik yang paling rencam kesan daripada komuniti yang sentiasa bertambah dari semasa ke semasa. Pertambahan ini disebabkan kawasan bandar merupakan pusat pentadbiran dan pusat perdagangan juga pusat perekonomian yang aktif. Kerencaman hasil daripada kepelbagaian etnik ini akan menghasilkan penipisan batas etnik (Mansor Mohd Noor 2012) dan sekaligus meningkatkan sensitiviti kepelbagaian budaya antara etnik. Kehidupan masyarakat luar bandar pula agak kurang terdedah kepada kepelbagaian. Ini kerana masyarakat luar bandar sering dikaitkan dengan etnik

Melayu kerana asas kepada pembentukan Melayu bermula daripada kampung atau luar bandar (Mansor et al. 2006). Namun hasil kajian tetap menunjukkan bahawa tahap sensitiviti guru di luar bandar tetap berada pada tahap yang tinggi.

D. KESIMPULAN

Sensitiviti kepelbagaian budaya sangat penting didedahkan seawal murid berada di peringkat sekolah rendah. Ini kerana sekolah merupakan platform yang tepat dalam pemupukan perpaduan dan pemahaman kepelbagaian budaya dalam kalangan murid. Maka tugas yang berat ini harus dipikul oleh guru yang merupakan agen perpaduan negara. Oleh itu, guru perlu lebih memahami kepelbagaian budaya agar mereka lebih peka terhadap perbezaan yang wujud di persekitaran sekolah. Guru juga perlu menerapkan nilai-nilai seperti menghormati kepelbagaian budaya, toleransi dan kerjasama antara kaum. Ini bagi memastikan murid menjadi insan yang mampu hidup dalam kepelbagaian dan dapat menerima perbezaan budaya seperti mana aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

DAFTAR PUSTAKA

- Arasinah K, Ab. Rahim B, Ramlah H, Soaib A, Norhaily Ab. H (2013) *Competency Assessment of Clothing Fashion Design: Rasch Measurement Model for Construt Validity and Reliability*. Journal of Technical Education and Training 5(2), 1-13.
- Azam Othman, Ismail Sheikh Ahmad, Hamidon Abdul Rahman, and Shahrul Fhaizal Shabu (2013). *Exploring Teachers' Perceptions in Managing Interracial Interactions in a Multicultural setting: A Case study of Five Malaysian Secondary Schools in Klang Valley*. IIUM Journal of Education Studies, 1:1, 13-24.
- Bayles (2009). *Assessing the Intercultural Sensitivity of Elementary Teachers in Bilingual Schools in a Texas School District*. A Dissertation Submitted to the Faculty of the Graduate School of the University of Minnesota.
- Bennett, J. M. (1993). *Cultural marginality: Identity issues in intercultural training*. In R. M. Paige (Ed.), *Education for the intercultural experience* (pp. 109–135). Yarmouth, ME: Intercultural Press.

- Bernard, H.R. 2000. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approach*. Thousand Oaks: Sage Publication.
- Bennett, J. M., & Bennett, M. J. (2004). *Developing intercultural sensitivity: An integrative approach to global and domestic diversity*. In D. Landis, J. Bennett & M. Bennett (Eds.), *Handbook of intercultural training* (3rd ed, pp. 147–165). Thousand Oaks: Sage.
- Bity Salwana Aliyas et al. (2016). *Kajian Pengukuran Tahap Perpaduan 2016*. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 18, 13-19.
- Bhawuk, D.P.S., & Brislin, R. (1992). *The measurement of intercultural sensitivity using the concepts of individualism and collectivism*. *Intercultural Journal of Intercultural Relations*, 16, 413-436.
- Chen, G. M., & Starosta, W. J. (1998). *A review of the concept of intercultural awareness*. *Human Communication*, 2, 27-54.
- Chen, G. M., & Starosta, W. J. (2000). *The development and validation of the intercultural communication sensitivity scale*. *Human Communication*, 3, 1–15.
- Chhokar, J., Brodbeck, F., and House, R. (Eds.). (2007). *Culture and Leadership across the World: The Book of In-depth Studies of 25 Societies*. Lawrence Erlbaum Associates, Mahwah, NJ.
- Christensen, L.B., Johnson, B. & Turner, L.A., 2011, *Research methods, design, and analysis*, Pearson Education, Boston, MA.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Mc. Graw Hill Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Creswell, J.W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Dulkiah, M. (2017). The Impact of Cash Transfer on Family's attitude and Copying Mecanism. *JISPO: Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, 7(1), 102-112.
- Dolnicar, S., Grun, B., Leisch, F., & Rossiter, J. (2011). *Three good reasons NOT to use five and seven point Likert items*. In *CAUTHE 2011: 21st CAUTHE National Conference* (pp. 8–11). Adelaide, Australia: University of Wollongong. Retrieved from <http://works.bepress.com/jrossiter/24/>
- Ezhar Tamam & Madiha Hashmi. 2015. *Predicting interethnic bridging social capital in youth ethnic-diversity engagement: the role of interethnic interaction and intercultural sensitivity*. International Journal of Adolescence and Youth DOI: 10.1080/02673843.2015.1024697.
- Fisher, J. W. P. (2006). *Survey design recommendations*. *Rasch Measurement Transactions*, 20(3), 1072–1074.
- Freitheim, A.M. 2007. *Assessing the intercultural sensitivity of educators in an American international school*. Doctoral Dissertation. University of Minnesota.
- Gillham, Bill (2000). *Case study research methods*. London: Continuum
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2012). *Educational research: competencies for analysis and applications* (10th ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J. & Anderson, R. E. (2013). *Multivariate Data Analysis: A Global Perspective*, New Jersey, Pearson Prentice Hall.
- Halah Ahmed Alismail (2016). *Multicultural Education: Teachers' Perceptions and Preparation*. *Journal of Education and Practice*. Vol.7: 139-146.

- Hailan Salamun, Rahimah Hj. Ahmad, Zuraidah Abdullah & Rofishah Hj. Rashid (2012). *Pengupayaan kepemimpinan guru di sekolah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Irwandi, I., & Chotim, E. R. (2017). ANALISIS KONFLIK ANTARA MASYARAKAT, PEMERINTAH DAN SWASTA. *JISPO: Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, 7(2), 24-42.
- Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Program Transformasi Kerajaan, Pelan Hala Tuju*. Kuala Lumpur: Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan.
- Jawatankuasa APNIEVE Malaysia. (1999). *Buku Sumber UNESCO-APNIEVE untuk Pendidikan Perguruan dan Tinggi*. Belajar Hidup Bersama Secara Aman dan Harmoni: Pengalaman Malaysia. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2014). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kluckhohn F. R., and Strodtbeck F. L. (1961). *Variations in Value Orientation*. New York: HarperCollins.
- Lee Wei Chang, Baharuddin Azizan & Muhammad Amran (2013). *National unity at the university level: importance of civilizational dialogue and way forward*. European Scientific Journal. Vol. 4, pp 173 – 186. Lee Wei Chang, Baharuddin Azizan & Muhammad Amran (2013). National unity at the university level: importance of civilizational dialogue and way forward. European Scientific Journal. Vol. 4, pp 173 – 186.
- Mendenhall, M.E., Osland, J.S., Bird, A., Oddou, G.R., & Maznevski, M.L. (2008). *Global leadership: Research, practice, and development*. London and New York: Routledge.
- Mansor Mohd. Noor. 2012. *Kerencaman sosial dan penipisan batas etnik: kepelbagaian etnik dan perkongsian hidup bersama di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mansor Mohd Noor, 2Azlina Abdullah dan Mohd Mahadee Ismail (2016). *Mengurus dan Memahami Hubungan Etnik di Universiti Awam Malaysia*. Research Journal of Social Sciences (3): 59-65
- Moodian, M. (Ed.) (2009). *Contemporary leadership and intercultural competence: Exploring the cross-cultural dynamics within organizations*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Mujibu Abd. Muis. 2012. *Menangani kerencaman kaum dalam proses bina bangsa: cabaran dan pengalaman Malaysia*. Sosiohumanika: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan 5 (2). Bandung: Minda Masagi Press.
- Nihal Yurtseven dan Sertel Altun (2015). *Understanding By Design (UBD) In EFL Teaching : Teachers' Professional Development and Students' Achievement*. International Research Conferences.
- Noraini Omar (2015). *Amalan pengajaran guru pendidikan islam berfokuskan kepelbagaian budaya murid: kajian kes di negeri Sarawak*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nurhijrah Zakaria et al. (2017). *Pedagogi Responsif Budaya dalam Pengajaran Sejarah untuk Persekutuan Pembelajaran Bilik Darjah Pelbagai Budaya*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan.Jilid 18: 1-12
- Pallant (2010). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. Allen & Unwin. Australia.
- Oppenheim, A.N. (1966) *Questionnaire design and attitude measurement*. London: Heinemann.

- Rohaty Mohd. Majzub, Salasiah Hashim & Elis Johannes, H.S. 2011. *Cultural awareness among preschool teachers in Selangor, Malaysia*. Procedia - Social and Behavioral Sciences 15: 1573-1579.
- Sari, A. L. (2017). THE ROLE OF SOCIAL WORKERS IN THE DEVELOPMENT OF TOURISM VILLAGES. *JISPO: Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, 7(2), 1-23.
- Siti Zuraida Maaruf, Muhamad Azhar Abdullah, Saedah Siraj dan Voviana Zulkifli. (2016). *Culturally Responsive Pedagogy: Experience in the Visual Art Education Classroom*. dalam Fook C., Sidhu G., Narasuman S., Fong L., Abdul Rahman S. (eds) *7th International Conference on University Learning and Teaching (InCULT 2014)* Proceedings. Springer, Singapore.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2009. *Melestari perpaduan, memperkuat integrasi: konsep satu Malaysia sebagai wahana terkini*. Dlm. Kumpulan dokumen-dokumen Seminar Gagasan satu Malaysia: kesinambungan satu perjuangan. Kuala Terengganu: Kerajaan Negeri Terengganu dan Universiti Malaya
- Shamsul Amri (ed.) 2012. *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM
- Shalva Tabatadze dan Natia Gorgadze (2014). *Intercultural Education Research in Primary Grades of Georgia*. Research Report. Tbilisi.
- Spinthourakis, Karatzia-Stavlioti dan Roussakis (2009). *Pre-Service Teacher Intercultural Sensitivity Assessment as a Basis for Addressing Multiculturalism*. Journal Articles ERIC.V20 :267-276.
- Straffon, D. A. (2001). *Assessing intercultural sensitivity levels of high school students in an international school*. (Doctoral dissertation, University of Minnesota).
- Suresh Kumar a/ 1 N Vellymalay. (2013). *Bahasa interaksi dan hubungan antara etnik dalam kalangan murid di bilik darjah*. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 1 (3), 14-28. Diakses daripada <http://e-journal.um.edu.my/publish/JuPiDi/>
- Suresh Kumar (2014). *Bahasa Interaksi dan Hubungan Antara Etnik dalam Kalangan Murid di Bilik Darjah*. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Bil 1: 14-28.
- Suresh Kumar N Vellymalay (2017). *Implikasi Budaya dan Agama ke Atas Interaksi Antara Etnik dalam Kalangan Murid Sekolah di Malaysia*. *Journal of Social Sciences and Humanities* Vol 12: 272-286.
- Tamam, E, (2010). *Examining Chen and Starosta's model of intercultural sensitivity in a multicultural collectivistic country*. *Journal of Intercultural Communication Research*, 39(3), 173-183. doi:10.1080/17475759.2010534860
- Tarc, P. 2013. *International Education in Global Times. Engaging the Pedagogic*. New York: Peter Lang.
- Tartwijk, J.V, Brok, P.D, Veldman, I dan Wubbels, T. (2009). *Teachers' practical knowledge about classroom management in multicultural classrooms*. *Teaching and Teacher Education* 25,453–460. <http://dx.doi.org/10.1016/j.tate.2008.09.00>
- Tengku Nor Rizan Tengku Mohd Maasuma dan Nooreiny Maarof, Manisah Mohd Ali (2014). *Addressing student diversity via culturally responsive pedagogy*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134,101 – 108.
- Trilokekar, R.D. & Kukar, P. 2011. *Disorienting experiences during study abroad: Reflections of pre-service teacher candidates*. *Teaching and Teacher Education* 27: 1141- 1150.

- UNESCO. 2010. Education: Cultural diversity. Diakses daripada <http://cms01.unesco.org/en.esd/themes/cultural-diversity> (30 Ogos 2012).
- Yasmin Ahmad (2014). *Sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru pelbagai etnik di Malaysia*. Tesis PhD. Universiti Sains Malaysia.
- Yasmin Ahmad dan Najeemah (2016). Sensitiviti Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru Pelbagai Etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1)(2016): 71-78.
<https://www.bharian.com.my/node/114422> (dilihat 4 Oktober 2017)
- <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/sekolah-rendah-tapak-menyemai-perpaduan-kaum-1.480663> (dilihat 4 Oktober 217)
- http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130724/re_07/Menghormati-sensitiviti-kaum-di-malaysia#ixzz4rCpzhwZa .(dilihat pada 4 Oktober 2017)